

Pelajar UM berarak sokong PM

BH 24 JUN 2002

KUALA LUMPUR, Ahad – Kira-kira 300 pelajar Universiti Malaya (UM) dari pelbagai kaum berkumpul dan berarak sekeliling Kompleks Perdana Siswa UM sambil melaungkan hasrat mereka supaya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terus menerajui kepimpinan negara.

Perhimpunan yang bermula jam 10 pagi dan berlangsung sejam itu menyaksikan pelajar terbabit berarak membawa sepanduk sambil melaungkan 'Hidup Mahathir' dan 'Hidup Malaysia' diselangi ucapan, doa dan nyanyian lagu UM.

Kumpulan pelajar yang menggelarkan diri mereka Majlis Gabungan Mahasiswa

UM itu diketuai pelajar tahun akhir Fakulti Pemiagaan dan Perakaunan, Mohd Hairolnezam Kahmis, 22.

"Perhimpunan hari ini membuktikan kepada masyarakat bahawa mahasiswa UM menyokong kerajaan dan menghormati ketokohan Perdana Menteri walaupun kami seripg dilabel sebagai propembangkang selama ini.

"Beliau adalah pemimpin unggul yang menjadi contoh ikutan, termasuk kepada negara luar. Kami bimbang jika beliau meletak jawatan secara mendadak akan menimbulkan pelbagai kekecohan termasuk dalam sektor ekonomi kerana pelabur asing mungkin akan menarik balik

pelaburan mereka.

"Kepemimpinan Dr Mahathir masih tkguh dan khidmat beliau diperlukan selagi mampu kerana keadaan ekonomi kita belum pulih sepenuhnya," kata Hairolnezam kepada pemberita selepas perhimpunan itu di sini, hari ini.

Hairolnezam berkata, tanda tangan pelajar Phi akan dikumpul dan diserahkan kepada Perdana Menteri bagi menyatakan sokongan mereka terhadap kepimpinannya.

Dalam pada itu, beliau menyatakan kesal kerana Majlis Perwakilan Mahasiswa UM tidak memberi sokongan sewajarnya terhadap perhimpunan itu.